

KEPERLUAN MAKLUMAT DI KALANGAN PENGURUS

PERNIAGAAN :

SATU KAJIAN DI KAWASAN SELANGOR

Oleh

ZAHARI MOHD AMIN

Laporan ini diserahkan untuk memenuhi keperluan Ijazah

Sarjana Muda Pengajian Maklumat (Kepujian)

Mei 1999

PENGHARGAAN

Selama 2 semester iaitu bersamaan satu tahun jangkamasa yang diambil untuk menyiapkan penyelidikan ini. Macam-macam masalah timbul, banyak duit habis, banyak masa terluang... akhirnya terhasillah penyelidikan ini.

Penyelidikan yang "tidak seberapa" ini (dalam ertikata merendah diri) akan menjadi penyelidikan yang "tidak berguna" (dalam ertikata kemungkinan) jika tanpa bantuan pensyarah penasihat, Dr. Szarina Abdullah. Dr. Szarina telah banyak memberi tunjuk ajar yang benar-benar berharga dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Walaupun kadangkala dirasakan juga pemikiran dan permintaan yang "bertaraf doktor" beliau jauh bezanya meninggalkan pemikiran yang "bertaraf ijazah" ini, tapi beliau telah mendidik untuk berfikir sebagai seorang yang bertaraf ijazah. Saya sangat menghargai segala tunjukajar Dr. Szarina (dalam ertikata tulus ikhlas) dan terus terang saya katakan adalah sangat beruntung kepada sesiapa yang menjadi pelajarnya. Disamping itu juga ha... kepada rakan-rakan yang meminta nama mereka disertakan disini iaitu SUE', AIDA, PIAN & AZREE. Nama-nama ni adalah rakan-rakan sepensyarah yang sama-sama di "bambu" dalam menyiapkan penyelidikan ini, terutamanya Sue', Aida & Pian - "nice working with U all".

Tak lupa juga kepada penghuni-penghuni No. 27 Jalan Vanadium Sek. 7 yang mana telah banyak membantu dengan cara menggamatkan suasana rumah - "U're all my best buddy"

Akhir sekali terima kasih kepada semua yang telah bekerjasama dan memberikan tunjukajar kepada saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

-Zahari Mohd Amin-

ABSTRAK

Tujuan penyelidikan ini dijalankan ialah antara lain untuk melihat keperluan pengurus perniagaan kepada maklumat terutamanya maklumat yang berkaitan dengan perniagaan. Keperluan maklumat dilihat dengan merujuk kepada jenis maklumat, bentuk maklumat dan sumber maklumat yang digunakan oleh pengurus perniagaan. Pengkajian dilakukan dengan melihat kepada kepentingan dan kekerapan penggunaannya. Sebanyak 40 perniagaan dipilih secara rawak daripada Malaysian Business Directory untuk dijadikan sampel daripada jumlah keseluruhan populasi sebanyak 403 buah perniagaan. Kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data ialah dengan menggunakan borang soalselidik. Daripada tindakbalas yang diperolehi hanya 28 responden yang memulangkan borang soalselidik. Penemuan-penemuan yang diperolehi pula ialah tentang profil demografi pengurus perniagaan, bidang maklumat dan bentuk maklumat yang sering digunakan serta sumber maklumat utama mereka. Persoalan lain yang dibuat ialah tentang penggunaan teknologi maklumat serta kekerapan penggunaannya. Daripada penemuan, secara keseluruhan pengurus menganggap maklumat itu penting tetapi sumber-sumber maklumat mereka adalah terhad. Ini dapat dilihat pada kadar dapatan yang rendah dalam mencari maklumat di perpustakaan. Cadangan-cadangan yang dibuat ialah seperti meningkatkan perkhidmatan maklumat kepada golongan ini serta menambahkan koleksi bahan-bahan yang berkaitan dengan perniagaan di perpustakaan/ pusat maklumat. Disamping itu promosi kepada perkhidmatan maklumat hendaklah dipertingkatkan untuk membolehkan pengurus perniagaan dapat mengenalpasti perkhidmatan maklumat yang bersesuaian dengan keperluan maklumat mereka.

KANDUNGAN

Penghargaan	I
Abstrak	II
Senarai jadual	III
BAB 1	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan masalah dan kepentingan penyelidikan	2
1.2 Objektif penyelidikan	3
1.3 Hipotesis	3
BAB 2	
2.0 Ulasan Penulisan	4
BAB 3	
3.0 Kaedah penyelidikan	
3.0.1 Alat penyelidikan	14
3.0.2 Populasi dan skop penyelidikan	14
3.0.3 Pensampelan	14
3.1 Pengumpulan dan penganalisan data	
3.1.1 Pengumpulan data	15
3.1.2 Penganalisan data	16
3.1.3 Kajian rintis	16

1.0 PENGENALAN

Kegawatan ekonomi yang melanda negara khususnya dan dunia amnya telah menggalakkan kepada pengambilan langkah yang berterusan bagi mengatasi masalah tersebut. Dalam mengambil tindakan bagi mengatasi permasalahan ini, kepentingan maklumat dilihat sebagai antara satu perkara utama yang menjadi sokongan kepada pemulihan ekonomi negara. Maklumat yang terkini serta berterusan adalah mangkin kepada perkembangan dalam bidang perniagaan yang mana perniagaan menjadi tulang belakang ekonomi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia. Mangkin di sini merujuk kepada peranan dan kepentingan maklumat dalam membantu perniagaan samada dalam proses pemulihan ataupun mencapai kemajuan. Semua perniagaan tanpa mengira saiz atau persekitaran aktivitinya memerlukan maklumat untuk wujud, bersaing dan terus beroperasi (Christine D.Reid, 1985). Kesedaran tentang kepentingan maklumat ini telah menggalakkan komuniti yang terlibat dalam perniagaan untuk terus berusaha mendapatkan maklumat berkaitan perniagaan bagi membantu memajukan perniagaan mereka. Kajian dalam pengurusan menunjukkan keberkesanan pergerakan maklumat dalam pekerjaan adalah faktor penting dalam memperlihatkan prestasi organisasi dalam sesebuah perniagaan.